



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

SIARAN MEDIA

PROGRAM ARKIB@SEKOLAH BERI RUANG KEPADA PELAJAR DEKATI SEJARAH DENGAN PENDEKATAN BAHARU

SABAH, 5 Mei – Kementerian Perpaduan Negara melalui Arkib Negara Malaysia telah menganjurkan Program Arkib@Sekolah: “Bermulanya Di Sini” seiring dengan **objektif Kerajaan MADANI ke arah penyatuan nasional dan membina tapak integrasi yang kukuh dalam kalangan masyarakat berbilang kaum**. Majlis perasmian program telah disempurnakan oleh YB Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara bertempat di Sekolah Menengah St. Mary, Sandakan, Sabah.

YB Datuk Aaron Ago Dagang dalam ucapannya berkata, “Dengan mengangkat sejarah sebagai alat pendidikan yang aktif, kita sebenarnya sedang memperkuuh jati diri nasional serta mengukuhkan ikatan perpaduan antara rakyat”.

“Saya percaya bahawa **pembangunan insan yang berilmu dan berjiwa patriotik bermula dari bangku sekolah**. Oleh itu, usaha seperti ini wajar diperluas ke sekolah-sekolah lain di seluruh negara, agar tiada generasi yang terpisah daripada akar sejarahnya. Dalam masa yang sama, peranan guru amat penting sebagai pemudah cara dalam menyampaikan nilai-nilai murni sejarah dan perpaduan kepada pelajar”, tambah beliau.

Program Arkib@Sekolah: “Bermulanya Di Sini” ini adalah bertujuan untuk **menggalakkan penggunaan bahan arkib sebagai sumber autentik dalam proses pengajaran dan pembelajaran**, serta memberi ruang kepada pelajar untuk mendekati sejarah dengan cara yang lebih interaktif, kreatif dan bermakna. Arkib Negara Malaysia sehingga kini telah menyimpan sebanyak 81 bahan berkaitan Rukun Negara yang merangkumi fail rasmi, koleksi gambar, laporan akhbar, terbitan dan sebagainya

Pada masa yang sama, penganjuran program Arkib@Sekolah: "Bermulanya Di Sini" yang diadakan di Sekolah Menengah St. Mary, Sandakan hari ini merupakan lokasi pertama bagi penganjuran pada tahun 2025. Program ini juga akan diteruskan di dua negeri lain, iaitu Kedah dan Kelantan pada bulan Julai dan Ogos 2025.

Kementerian Perpaduan Negara

5 Mei 2025

KPN.100-9/1/16 (31)

